



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**

JAWATAN KOSONG TAHUN 2025

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) mempelawa warganegara Malaysia untuk memohon jawatan kosong seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GRED GAJI (RM)	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	PEGAWAI UNDANG-UNDANG	L12	TETAP (1 Kekosongan)	5,530.00	13,540.00
2.	PEGAWAI PENGURUSAN FASILITI	J9	TETAP (1 Kekosongan)	2,250.00	11,110.00
3.	PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT	FA5	TETAP (1 Kekosongan)	1,650.00	6,620.00

SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Jawatan 1: PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L12

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
3. (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) Sijil Amalan Guaman; atau
(iii) Barrister-at-law-England; atau
(iv) Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England atau Solicitor of the Senior Courts of England and Wales daripada Solicitor Regulation Authority.
4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 2: PEGAWAI PENGURUSAN FASILITI GRED J9

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
3. Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Keutamaan dalam bidang berkaitan Pembinaan/Kejuruteraan/Pengurusan Fasiliti)
4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Diskripsi Kerja:
 - (i) Bertanggungjawab untuk menyelia, menyelaras, memantau dan melaksan kerja-kerja pengurusan fasiliti termasuk pematuhan peraturan/undang-undang pihak berkuasa yang berkaitan di bangunan Wisma LJT
 - (ii) Menyelia dan menyelaras pengurusan fasiliti di galeri GLSDC dan dewan-dewan di Wisma LJT
 - (iii) Menyelia dan menyelaras pengurusan fasiliti untuk penyewa-penyewa di Wisma LJT berdasarkan terma dan syarat sewaan.
 - (iv) Menyelia, mengawal dan memantau perkhidmatan dan kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh kontraktor/vendor
 - (v) Menyelia, mengawal dan memantau kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan berkaitan bangunan dan infrastruktur Wisma LJT adalah teratur dan mengikut spesifikasi ditetapkan.
 - (vi) Memantau dan memastikan semua perkhidmatan dan kerja penyelenggaraan secara harian, mingguan, bulanan dan berkala dilaksanakan mengikut jadual dan teratur.
 - (vii) Menyelia, menyelaras dan menyemak pematuhan terma dan syarat semua kontrak berkaitan perkhidmatan, penyenggaraan dan sewaan di Wisma LJT.
 - (viii) Menyelia dan memantau system keselamatan dan kesihatan di bangunan Wisma LJT dan memastikan ia sentiasa berfungsi dengan baik.

Jawatan 3: PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT GRED FA5

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
4. Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

CARA MEMOHON

1. Surat permohonan hendaklah dibuat **secara bertulis dan disertakan *Resume***,
2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, salinan Sijil-sijil Akademik serta dokumen lain yang berkaitan. Semua sijil dan dokumen hendaklah disahkan;
3. Sebarang dokumen permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan;
4. Semua permohonan hendaklah ditulis jawatan yang dipohon di **sebelah kiri bahagian atas** sampul surat dan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

SETIAUSAHA LEMBAGA
LEMBAGA JURUKUR TANAH
ARAS 5-7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR

5. Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 JUN 2025**.